

POTRET PERJUANGAN MAHASISWA DALAM

Cerminan Dekad




1.81
RID

RIDUAN MOHAMAD NOR

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA





Potret Perjuangan Mahasiswa Dalam Cerminan Dekad



Riduan Mohamad Nor

PUSTAKA PERDANA



1007536



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Cetakan Pertama: Disember 2007

© Riduan Mohamad Nor (MA UKM)

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada secara elektronik, sawatan, salinan foto, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada penerbit.

.....

Penerbit:

JUNDI RESOURCES (1706325-W)

No. 6, Lot 2756

Lorong Padang Balang 8, Padang Balang

51100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

Tel: 019-372 8844

Dicetak Oleh:

HS Massyi Printing Sdn. Bhd.

40A, Jalan Selaseh Indah

Taman Selaseh (Fasa 1)

68100 Batu Caves

Selango Darul Ehsan

Tel: 603-6187 8697

Faks: 603-6186 6697



KANDUNGAN

Aluan Penerbit	iv
Yang Bertamu Di Hati	vi
1. Suara Kampus Meledakkan Perubahan	1
2. Aktivisme Mahasiswa Dekad 60an	6
3. 13 Mei: Pembabitan Siswa dan Kesan Kepada Kampus	16
4. Kesimpulan Daripada Cermin Dekad 60an	20
5. Gemilang Dekad 70an	25
6. Laungan Tanpa Suara	40
7. Dekad 80an: Dikotomi Hitam Putih	45
Galeri 1	65
8. Dekad 90an: Merakytakan Perjuangan	75
9. Alaf Baru Yang Suram	91
10. Penutup	102
Galeri 2	106
Nota Hujung	120
Rujukan	122





ALUAN PENERBIT

Alhamdulillah, kita panjatkan rasa syukur yang berpanjangan terhadap Tuhan Rabbul Jalil yang telah memberikan kita dengan nikmat Iman dan nikmat Islam. Selawat dan Salam buat Rasul junjungan yang telah mengerah kudrat dan keringat memperjuangkan Islam ini sehingga kita dilimpahi kurnia paling tuntas berharga. Untaian rasa kesyukuran dalam diri kerana diberikan oleh Allah SWT dengan kekuatan untuk menyatakan kebenaran dalam lingkungan masyarakat yang semakin berpaling daripada petunjuk.

Buku ini diluncurkan ke tengah masyarakat dengan beberapa matlamat, yang pertama ialah untuk mendokumentasikan sejarah gerakan mahasiswa di negara ini dalam tempoh empat dekad sebagai tatapan kepada generasi muda dan mengilang kembali nostalgia silam bekas anak-anak kampus yang kini berada di segenap lapisan masyarakat. Yang keduanya ialah untuk mengartikulasikan titik kekuatan dan kelemahan setiap dekad gerakan mahasiswa kerana latarbelakang politik, ekonomi dan sosial yang berbeza di setiap dekad. Matlamat yang ketiga ialah untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat kampus bahawa suara mereka adalah suara rakyat yang sangat bernilai serta mampu mencipta sejarah, contohnya gerakan nasionalisme bahasa anak-anak kampus pada penghujung dekad 1960an telah memungkinkan tertubuhnya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pemerkasaan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan di negara ini. Tuntutan demi asakan suara kampus, disamping beberapa faktor yang lain telah menyebabkan Tunku berundur daripada kerusi panas Perdana Menteri pada tahun 1970.



Matlamat yang terakhir ialah untuk menyemarakkan dunia ilmu dan penerbitan di negara ini yang masih jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara lain, semoga ia mampu menyumbang sesuatu di tengah kesuraman intelektual di negara ini.

Penerbit merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada penulis buku ini yang telah bertungkus lumus membuat pengkajian dan menulis bahan penting ini kepada dunia kemahasiswaan secara khususnya dan kepada masyarakat secara umumnya. Selamat menyemak sejarah perjuangan anak-anak muda kampus yang sarat dengan idea ini, dunia '*the young angry man*' yang sentiasa resah dan rusuh menggegari dunia ini. Sekian terima kasih daripada kami, pihak penerbit.

Terima kasih daun keladi kepada saudara Ahmad Lutfi Othman, Ketua Pengarang Harakah, Dr. Syed Husin Ali, Mustapha Kamil Ayub, Ustaz Hassan Shukri kerana bermurah hati meminjamkan foto-foto berharga.

Sekian. Salam Hormat.

PENERBIT



YANG BERTAMU DI HATI

Alhamdulillah, segala puji bagi Ilahi yang telah memberikan kita dengan nikmat kehidupan yang terlalu rencam, Selawat dan Salam buat Rasul mulia yang telah menjadi rahmat kepada seluruh alam. Salam perjuangan kepada seluruh anak-anak muda yang berani berdada dengan kezaliman penguasa di seluruh belahan dunia. Buku ini dituangkan di atas kertas dengan beberapa matlamat walaupun saya merasa sedikit kerdil untuk merakamkan sejarah besar gerakan mahasiswa di negara ini.

Pertamanya, untuk menghimpunkan kembali sejarah mahasiswa di negara ini yang mengalami pasang surut perjuangan, ada suram dan ada kelam dalam kerencahan pelbagai jalur ideologi. Setiap dekad mempunyai warna masing-masing yang dilatari dengan peristiwa yang berlaku dalam lingkungan masa tersebut. Dalam dekad 60an, gerakan anak-anak kampus telah mengalami zaman keemasan, disanjung serta dihormati bahkan suara mereka didengar oleh semua pihak. Dasawarsa 70an pula merakamkan sejarah kehebatan gerakan mahasiswa sehingga tercetusnya peristiwa Baling 1974 yang telah membawa penangkapan beramai-ramai aktivis pelajar. Akta Universiti Dan Kolej Universiti (AUKU) telah merencatkan aktivisme pelajar sehingga kampus dianggap lesu namun secara senyap pula telah memerkasakan gerakan pelajar Islam sehingga ia menjadi fenomenal pada dekad 80an dan 90an.

Keduanya, ialah untuk mengartikulasi kekuatan dan kelemahan gerakan pelajar di setiap dekad terpilih supaya kita lebih adil dalam menilai sejarah. Ketiganya, sebagai bacaan yang akan menambahkan kepustakaan maklumat aktivis-aktivis pelajar yang sedang berjina

dengan dunia idealisme dan aktivisme kampus yang membahagiakan. Dalam jangkamasa belasan tahun ini sudah ribuan mahasiswa mendengar hujahan saya berkaitan dengan amal Islami serta pensejarahan gerakan Islam maka diharap buku ini sebahagian daripada ABM (alat bantu mengajar) saya yang mampu menampung kelompangan maklumat ketika sesi syarahan yang biasanya dihambat waktu yang cemburu buta.

Secara peribadi, keputusan untuk menulis buku ini berkaitan dengan ketidakpuasan saya menatap beberapa tulisan penulis sejarah gerakan kampus yang saya merasakan tidak tepat malah mengelirukan, apatah lagi dalam beberapa peristiwa bantahan awam dalam tempoh masa 1991-2007 yang berlaku di Lembah Klang, saya terlibat secara langsung walaupun sebagai aktor kerdil mahupun mengurus acara bantahan (sebagai pelajar universiti dan seterusnya aktivis sosio-politik). Maka saya merasa terpanggil dan bertanggungjawab untuk merakamkan sejarah yang berlaku dengan pengamatan dan keterlibatan secara langsung.

Akhir sekali buat pembaca budiman, terima kasih, kerana menatap buku ini kerana saya juga seperti Multatuli (penulis Max Haavelar) yang berprinsip 'aku mahu dibaca' bahkan lebih jauh mendasar, menulis akan mencerahkan pemikiran, menyihatkan mental, meramaikan teman, melunaskan hutang masa kita yang sentiasa terbuang percuma jika tidak menulis. Buku akan menjadi harta paling berharga di sisi manusia yang cintakan ilmu dan keteladanan yang baik, yang paling penting, ia adalah sebahagian catatan amal kita untuk hari akhirat yang panjang. Moga tulisan ini bisa memanfaatkan kita semua, selamat membaca!

Riduan Mohamad Nor

Padang Balang, Kuala Lumpur

...
...
...
...
...

...
...
...
...
...

...
...
...
...
...

...
...
...
...
...

...
...
...
...
...

...
...
...
...
...

...
...
...
...
...